



BANTERAS



Fasa kedua NKRA Memerangi Rasuah bermula | Tapisan SPRM Memastikan Calon PRU13 Bersih
Akta Perlindungan Saksi | PPO SPRM: Tidak Ada Yang Terselindung

**BEBAS, TELUS
PROFESIONAL**

LAPORKAN SEBARANG AKTIVITI RASUAH ATAU PENYALAHGUNAAN KUASA KEPADA KAMI
ANDA BOLEH LAKUKAN PERUBAHAN
PERANGI RASUAH





10-11 | Akta Perlindungan Saksi




12-13 | Kemalangan Sifar Sasaran Utama Pelaksanaan AES



15 | Kemudahan MACA



16 | Malam Anti Rasuah Sedunia 2012



17 | Statistik Tangkapan Januari hingga Disember 2012



18-19 | Kepentingan Sekretariat Pencegahan Rasuah Di Institusi Pengajian Tinggi



03 | Nota Pengarang



04-05 | Fasa kedua NKRA Memerangi Rasuah bermula



06-07 | Tapisan SPRM Memastikan Calon PRU13 Bersih



08-09 | Integriti Dan Perlakuan : Elemen Yang Tiada Kompromi Dalam Penyampaian Perkhidmatan



20-21 | Dari Mahkamah



22 | Majlis Menandatangani CIP - PPPNP



24-25 | Sakitnya Dirempuh Lori



26-27 | Yang Menarik



28-30 | PPO SPRM: Tidak Ada Yang Terselindung

NOTA PENGARANG

Jenayah Rasuah Ditangani Secara Profesional

Di era globalisasi ini, perlakuan jenayah rasuah bukan lagi seperti 20 atau 30 tahun lalu. Jenayah rasuah kini semakin kompleks, merentasi sempadan dan berkait pula dengan jenayah lain seperti jenayah bersindiket, jenayah ekonomi, kewangan, keganasan, penggubahan wang haram dan penyeludupan manusia.

Rasuah bukan lagi berlaku di tepi-tepi jalan, di bawah jambatan atau di sebalik tembok untuk mengelak daripada dilihat orang. Perlakuan rasuah semakin canggih seiring dengan ledakan teknologi menjadikan ia jenayah yang rumit untuk diselesaikan.

Rasuah bukan lagi dilakukan oleh individu yang mendakwa tidak cukup gaji untuk membeli susu anak, tetapi melibatkan mereka yang berpengaruh, ketua-ketua jabatan, ahli politik mahupun ahli perniagaan tamak yang telah hilang integriti. Jumlahnya bukan lagi RM10 atau RM100, tetapi mencecah juta atau puluhan juta. Transaksinya pula bukan lagi dari tangan ke tangan, tetapi hanya dengan menekan butang, wang sudah bertukar milik.

Rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa merupakan jenayah kompleks yang tidak mudah dibanteras. Penyelesaiannya memerlukan kemahiran dalam risikan, siasatan dan pendakwaan sebagai proses pembuktian sebelum mensabitkan mereka yang terbabit dengan hukuman.

Namun, semua kesukaran itu bukan masalah untuk pegawai-pegawai SPRM menjalankan tugasnya. Tanggungjawab akan dilaksanakan secara professional dalam erti kata pegawai-pegawainya akan bertindak berlandaskan parameter undang-undang

dan kod etika kerja, serta kemahiran yang secukupnya untuk melaksanakan tugas dengan kompeten, kreatif, inovatif dan efektif selain bebas dan telus dalam mengendalikan setiap kes rasuah yang disiasat.

Pegawai-pegawai SPRM juga sentiasa bersedia untuk berkhidmat dan berkerjasama dengan orang ramai. SPRM sentiasa peka kepada persepsi masyarakat dan tidak teragak-agak untuk melakukan yang terbaik serta berusaha untuk memperbaikinya demi memperkukuhkan keyakinan orang ramai terhadap suruhanjaya ini. Rasuah akan disiasat secara profesional tanpa menyebelahi mana-mana pihak dalam misinya memerangi jenayah yang dilihat menjadi ancaman kepada kedaulatan negara.

Akta SPRM 2009 juga memperuntukkan kuasa kepada pegawai-pegawai suruhanjaya ini menyiasat 'kesalahan ditetapkan' di bawah Kanun Keseksaan, seksyen 137 Akta Kastam 1954, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001, Kanun Prosedur Jenayah selain Akta Polis 1967 dan Akta Keterangan.

Perlu diingat bahawa dari sudut pembuktian, terdapat perbezaan kes-kes rasuah dan penyelewengan kuasa berbanding jenayah am yang lain. Persoalan fakta undang-undang termasuk membuktikan sesuatu kesalahan rasuah memerlukan kemahiran dan profesionalisme.

Tidak dinafikan, tafsiran terhadap sesuatu perlakuan rasuah dalam konteks undang-undang dan moral sering menyebabkan kekeliruan, namun itu bukan alasan untuk masyarakat berpersepsi buruk dan tidak mengiktiraf usaha-usaha memerangi rasuah.

Penambahbaikan dalam banyak sistem pe-

nyampaian kerajaan khususnya berkaitan agensi penguatkuasaan dan perjanjian integriti dalam perolehan kerajaan dan swasta, telah berjaya memperkukuhkan ketelusan dan mengurangkan amalan rasuah dengan kesannya dinilai melalui peningkatan kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI), iaitu di tangga ke 54 berbanding 60 pada tahun lalu.

Sebagai rakyat di negara yang meletakkan agenda memerangi rasuah sebagai keutamaan yang sentiasa didahulukan, kita tentunya mendambakan sebuah negara yang bebas rasuah seperti Denmark, Finland, New Zealand, Sweden dan beberapa lagi negara berkedudukan tinggi dalam CPI, yang rata-rata merupakan negara yang maju ekonominya. Secara logiknya, negara yang maju dan mengagihkan kekayaannya secara saksama kepada seluruh rakyatnya akan menjadikan kehidupan rakyatnya selesa. Namun negara maju yang diidamkan itu hanya boleh terbentuk jika jenayah rasuah benar-benar sifar. Ia tidak mustahil untuk dicapai sekiranya seluruh rakyat mempunyai kesedaran tinggi tentang keburukan rasuah, dan seterusnya bersama-sama membanteras jenayah terkutuk itu.



TPj Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil
Pengarang, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

SIDANG REDAKSI

Penerbit
Datuk Seri Abu Kassim Mohamed

Penasihat Eksekutif
Datuk Sutinah Sutan

Penerbit Eksekutif
Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil

Ketua Pengarang
Samsul Hj Salip

Pengarang
Muhammad Yusof Bahir

Pengarang Bersekutu
BERNAMA

Wartawan
Mohamad Tarmizie Abdul Manaf
Muhamad Shariffuddin Shaari
Faridah Mahabob
Mohd Azhar Ibrahim (BERNAMA)

Unit Foto
Rosman Abu Bakar
Ahmad Faidz Md Isa
BERNAMA

Fasa kedua NKRA Memerangi Rasuah bermula

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) merangka 20 lagi inisiatif baru bagi memerangi rasuah menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 untuk tempoh sehingga berakhir 2015.

Empat daripada inisiatif baru itu memberi tumpuan kepada agensi penguatkuasa, rasuah besar, perolehan kerajaan, pendidikan dan sokongan awam manakala 14 lagi inisiatif dikenal pasti sebagai Big Fast Result (BFR) dijangka akan memberi impak dan hasil segera.

Selaras dengan kesinambungan transformasi kerajaan ini, pada asasnya aspek pentadbiran dan pengurusan telah pun bermula bagi memastikan pelaksanaannya menepati jadual.

Pelaksanaannya perlu disegerakan bagi membolehkan kerajaan meneruskan komitmen memerangi rasuah di negara ini dilakukan berterusan secara bebas dan telus, menerusi pendekatan lebih tegas terutamanya dalam pemerolehan kontrak-kontrak kerajaan.

GTP 2.0 dijangka lebih realistik untuk meneruskan beberapa isu yang belum selesai di fasa pertama, selain merangka gerak kerja lebih teliti dalam mengerakkan hala tuju fasa kedua iaitu memerangi rasuah berlandaskan tiga aspirasi utama:

1. Mengurangkan rasuah menerusi penguatkuasaan

2. Memperkukuhkan ketelusan bagi meningkatkan skor Indeks Persepsi Rasuah

3. Serta meningkatkan persepsi masyarakat terhadap kerajaan dan sektor perkhidmatan awam.



Sejak dimulakan pada tahun 2010, NKRA memerangi rasuah telah mengembangkan inisiatif asas dalam pelaksanaannya dengan mencatat banyak kejayaan dan perubahan kepada sistem penyampaian kerajaan, mengurangkan ruang berlakunya rasuah dan meningkatkan keyakinan rakyat.

Kejayaan merealisasikan sembilan inisiatif utama bermula dengan membina Pangkalan Data Pesalah Rasuah sebagai peringatan kepada orang awam supaya tidak memberi suapan, dan kewujudan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah jelas berjaya mempercepatkan perbicaraan dan mengurangkan jumlah kes yang tertunggak, membuktikan usaha memerangi rasuah memberi kesan positif. Inisiatif lain ialah mewujudkan Portal MyProcurement di laman web Kementerian Kewangan dan

portal MyPartnership di laman web Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) bagi memudahkan orang awam mengakses tender kerajaan dan swasta.

Manakala lima lagi inisiatif termasuklah Garis Panduan menggunakan Surat Sokongan, pelaksanaan Perjanjian Integriti bagi kontrak kerajaan, pembentukan Unit Pematuhan di semua agensi penguatkuasa utama, melaksanakan Pusingan Tempat Kerja Panas dan Kakitangan Berisiko dan mengurangkan amalan Budi Bicara melalui Automasi di agensi utama penguatkuasa negara membantu meningkatkan ketelusan dalam perkhidmatan kerajaan.

Beberapa lagi inisiatif awal yang dilaksanakan adalah pemantauan dan tindakan cepat terhadap Laporan Ketua Audit Negara, penubuhan

(CPI) iaitu di tangga ke 54 berbanding 60 pada tahun lalu. Pencapaian yang harus dihargai oleh semua rakyat Malaysia.

Ironinya, walaupun NKRA membanteras rasuah mencatat banyak kejayaan melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, tetapi persepsi rakyat masih menunjukkan rasa tidak yakin terhadap usaha memerangi rasuah. Mempolitikkan isu ini menambah kesukaran usaha memeranginya selain menebalkan persepsi yang tidak sepatutnya.

Pengenalan inisiatif pendidikan dan sokongan awam dalam pelaksanaan GTP 2.0 (2012-2015) adalah pendekatan yang akan diberi perhatian

serius sebagai langkah memperbetulkan persepsi rakyat. Dengan penyebaran maklumat sepantas kilat, menangani persepsi menjadi bertambah rumit.

Sebanyak mana pun program dilaksanakan dan maklumat diuar-uarkan melalui pelbagai medium, yang penting adalah kesedaran masyarakat. Segala usaha ini akan berjaya jika seluruh anggota masyarakat daripada kalangan pemimpin mahu pun rakyat memiliki kesedaran akan kesan buruk rasuah dan masa depan generasi akan datang. Rasuah melibatkan persoalan integriti individu yang melanggar undang-undang. Yang perlu diperangi ialah mereka yang melakukan jenayah itu, bukan mereka yang memerangi rasuah.





Pengerusi Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mencadangkan agar mereka yang telah dicalonkan untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) menjalani proses tapisan yang dikelolakan oleh SPRM.

Menurut pengerusi PPPR, Datuk Johan Jaafar, cadangan tersebut adalah bagi memastikan calon-calon yang bakal bertanding 'bersih' daripada rasuah selain mengelak sebarang tohmahan tidak berasas ke atas mana-mana individu atau parti di belakang calon itu.

Memandangkan semua parti telah menyatakan sokongan mereka untuk memerangi gejala rasuah, maka kita mengharapkan sokongan semua pihak terhadap cadangan tersebut, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat panel baru-baru ini.

Mekanisme tapisan ini akan ditentukan oleh SPRM dan ianya membabitkan semua calon PRU13 sama ada mereka yang sudah menjadi anggota Parlimen atau Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) yang bakal dicalonkan semula atau pertama kali bertanding, katanya.

Tapisan ini akan meningkatkan lagi kredibiliti seseorang calon yang dipilih. Cadangan pengerusi PPPR ini turut disahut oleh para pemimpin parti, pemerhati politik

dan penganalisis politik yang merasakan proses tapisan itu dapat membuktikan bahawa seseorang calon itu benar-benar telus dan layak bertanding. Penapisan ini juga akan menambah lagi keyakinan rakyat terhadap calon.

Mereka percaya mencegah itu lebih baik dari merawat. Dengan adanya penapisan berkenaan ianya dapat mengelak daripada timbul aib jika calon yang menang didapati bermasalah dan terbabit dengan rasuah.

Dalam pada itu, Johan berkata PPPR turut mencadangkan agar semua anggota pentadbiran kerajaan diperingkat pusat dan negeri serta anggota keluarga terdekat mereka tidak melibatkan diri dalam permohonan untuk kontrak kerajaan.

Ini untuk mengelakkan berlakunya konflik kepentingan dan menutup ruang dan peluang bagi perlakuan rasuah.

PPPR turut mengesyorkan agar semua Anggota Parlimen dan Adun mengisytiharkan harta mereka kepada SPRM setiap tahun bagi membuktikan komitmen mereka dalam memerangi rasuah.

Pengisytiharan ini tidak seharusnya dilakukan hanya sekali, iaitu sebelum menjawat jawatan. Malah ianya patut dilakukan bagi setiap tahun mereka memegang jawatan tersebut. Tidak ada pengecualian dalam hal ini, kata Johan.

**Pengerusi PPPR
Datuk Johan Jaafar**

TAPISAN SPRM MEMASTIKAN CALON PRU13 BERSIH



INTEGRITI DAN PERLAKUAN : ELEMEN YANG TIADA KOMPROMI DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



Di Malaysia umumnya, perkhidmatan awam merupakan tugas yang diamanahkan penyampaiannya kepada orang awam. Penjawat awam yang dikenali sebagai pegawai rasmi kerajaan juga mestilah ingat bahawa kita sebenarnya 'pekerja' kepada pihak berkepentingan dan rakyat. Kami bukannya bermaksud untuk menjadi 'pegawai' penentu dalam penyampaian perkhidmatan. Kami tidak pernah diberi pilihan atau diberi kuasa budi bicara dalam memutuskan penyampaian perkhidmatan. Kami ditugaskan untuk merealisasikan semua perkhidmatan yang dijanjikan oleh kerajaan kepada orang ramai mengikut dasar yang telah diperuntukkan. Sama ada suka atau tidak, kita perlu menyampaikan perkhidmatan yang baik, cekap dan berkesan secara berterusan dengan cara yang sangat profesional.

Perkhidmatan awam terdiri daripada banyak kementerian, jabatan dan agensi-agensi di peringkat persekutuan, negeri dan majlis tempatan dengan kuasa untuk menjalankan perkhidmatan melalui kerajaan Malaysia yang dipilih secara demokrasi. Oleh itu, kakitangan awam perlu berkhidmat dengan kerajaan yang dipilih tanpa kesetiaan yang berbelah bahagi. Kita mestilah bersemangat dalam melaksanakan perkhidmatan kepada masyarakat dan memenuhi piawaian integriti yang tinggi serta melakukan segala tugas yang telah ditentukan.

Kita sebagai penjawat awam mesti mematuhi semua standard integriti dan perlakuan pada setiap masa seperti yang telah dinyatakan di dalam kod perkhidmatan awam. Oleh itu, organisasi perlu mengekalkan polisi dan prosedur yang konsisten dengan semua undang-

undang dan peraturan-peraturan yang dikuat kuasa sewaktu penyampaian perkhidmatan. Sekurang-kurangnya kita mesti menyampaikan perkhidmatan mengikut piagam pelanggan atau yang lebih baik daripadanya. Walau bagaimanapun, ia merupakan tanggungjawab jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang dengan konsisten serta memuaskan.

Dalam menyampaikan perkhidmatan awam, penjawat awam diharapkan sentiasa adil dan saksama, bertanggungjawab serta boleh dipercayai. Dengan kata lain, ketua jabatan yang ditugaskan perlu memastikan semua penyampaian perkhidmatan dipatuhi sekurang-kurangnya empat elemen yang disebut sebelum ini dan elemen lain yang bersesuaian. Ia dapat dipenuhi jika

kita secara kolektif berbuat demikian. Pegawai kanan di setiap organisasi perlu merancang, memimpin, mengatur dan mengawal semua sumber seperti pekerja, mesin, wang, dan kaedah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan adalah sentiasa efektif dan cekap pada setiap masa.

Kita merupakan orang yang diharapkan dan mestilah adil dalam menjalankan tugas. Kita mesti melayan setiap individu dengan adil dan hormat. Ia adalah satu keperluan dalam sektor perkhidmatan untuk menjadi profesional dan responsif kepada keperluan dan kehendak pihak berkepentingan dan rakyat. Jadikanlah perkhidmatan kerajaan mudah diakses oleh semua individu tanpa sebarang pengecualian atau memilih. Tiada sebarang kompromi kepada keberkesanan dan kecekapan dalam kesemua penyampaian perkhidmatan. Oleh itu, penjawat awam diharapkan dan perlu berusaha untuk membuat perubahan demi kesejahteraan negara dan rakyatnya.

Kita mesti adil. Kita dikehendaki dan mesti mengekalkan pengecualian politik untuk membolehkan kita bekerja dengan kerajaan yang dipilih, sama ada kita telah mengundi untuk mereka atau tidak. Bukan kita seorang yang memutuskan kerajaan tetapi ianya merupakan keputusan majoriti pengundi. Oleh itu, apabila kerajaan ditubuhkan, kita sebagai penjawat awam mestilah bekerja bagi memenuhi tugas yang

diamanahkan oleh kerajaan yang dipilih pada masa tersebut. Kita janganlah enggan melakukan apa yang kita wajib lakukan. Kita mesti menjalankan fungsi organisasi, dan tidak menjejaskannya dengan kepercayaan peribadi kita. Kita mesti menyokong organisasi pada setiap masa bagi memberikan nasihat yang teguh dan tidak berat sebelah dalam penyampaian perkhidmatan. Kita perlu menghormati kuasa kerajaan yang dipilih selagi integriti dan perlakuan kita tidak terjejas.

Kita mesti bertindak secara bertanggungjawab. Kita perlu bertindak secara betul dan berobjektif dalam memastikan kepuasan pihak berkepentingan dan rakyat terhadap perkhidmatan yang diberikan. Kita perlu berkhidmat kepada rakyat secara sama rata tanpa dipengaruhi sentimen hubungan, agama, bangsa atau jantina. Kita perlu menggunakan sumber organisasi dengan bijaksana, dan sudah tentu hanya untuk tujuan rasmi sahaja. Tiada siapa yang patut menyalahgunakan sumber-sumber organisasi tanpa mengira apa-apa kepentingan sekalipun. Semua sumber sama ada pekerja, mesin atau wang mesti digunakan dengan cara yang sangat bertanggungjawab dan tidak boleh dipersoalkan. Begitu juga dengan maklumat yang mesti dijaga dengan baik dan gunakannya untuk tujuan yang betul dan diluluskan. Penyebaran maklumat sama ada sulit atau tidak mestilah selaras dengan peraturan semasa. Setiap individu atau kumpulan mesti mematuhi prinsip 'need to know basis'.



Tiada maklumat rasmi yang boleh digunakan untuk mengaitkan orang lain bertujuan untuk menyakiti atau apa-apa tujuan lain penyalahgunaan. Maka tidaklah menjadi sebarang konflik berkepentingan dalam penggunaan apa-apa maklumat rasmi. Kita tidak berkompromi dalam melakukan tanggungjawab bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan organisasi.

Kita mesti boleh dipercayai dalam semua yang kita lakukan. Untuk dipercayai, kita hendaklah jujur dan bekerja dengan sehabis baik mengikut kemampuan yang ada. Kita mesti sentiasa memastikan tindakan kita tidak dipengaruhi oleh kepentingan atau hubungan peribadi. Kita tidak memberi keutamaan kepada pasangan, adik-beradik, perhubungan, etnik, bangsa dan agama. Setiap penjawat awam perlu pada setiap masa, menolak rasuah dan tidak menyalahgunakan kedudukan atau kuasa untuk kepentingan peribadi. Kita mesti menolak hadiah atau faedah yang boleh memberikan obligasi atau pengaruh dan pada masa sama mengelakkan sebarang aktiviti, kerja atau bukan kerja, yang boleh menjejaskan reputasi organisasi atau perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Kesimpulannya, kita sebagai seorang penjawat awam perlu mengekalkan integriti dan perilaku pada setiap masa sama ada di dalam atau di luar pejabat. Kita tidak sepatutnya membenarkan apa-apa perkara yang boleh melemahkan atau merosakkan reputasi peribadi dan organisasi kita. Sebagai penjawat awam, kita diharapkan untuk berkhidmat kepada negara dan memuaskan orang ramai dalam hal-hal berkaitan penyampaian perkhidmatan. Oleh yang demikian, perkhidmatan awam dan penjawat awam itu sendiri akan mendapat penghormatan daripada orang ramai.



AKTA PERLINDUNGAN SAKSI

Saksi gagal hadir ke mahkamah, saksi tidak dapat dikesan dan saksi belot. Semuanya berkaitan dengan saksi. Mungkin ramai yang tidak peka tentang kepentingan saksi. Tetapi satu fakta yang perlu diketahui di mana, kemenangan sesuatu kes juga bergantung kepada saksi. Sekiranya keterangan saksi tidak mampu mengatasi keraguan munasabah maka peratusan untuk menang dalam sesuatu perbicaraan itu sangat tipis. Namun begitu, terdapat segelintir individu yang pada awalnya sanggup untuk menjadi saksi tetapi atas sebab-sebab tertentu seperti keselamatan diri dan keluarga, ancaman dan ugutan maka hasrat dan bukti yang ada terpaksa dipendam dan diperam.

Lantaran itu, satu akta telah digubal bagi mengatasi permasalahan ini. Akta Perlindungan Saksi merupakan satu

akta yang diwartakan pada 30 April 2009. Akta ini berfungsi untuk memberi perlindungan kepada saksi sama ada yang ditawarkan mahupun yang memohon untuk menyertai program ini. Kewujudan akta ini diselenggara oleh seorang Ketua Pengarah yang telah dilantik oleh seorang menteri. Akta ini terpakai untuk setiap agensi penguatkuasaan.

Menurut akta ini adalah menjadi satu kewajipan kepada seorang saksi untuk memberikan apa-apa juga dokumen, pernyataan, rekod atau bentuk bantuan lain yang boleh membantu Ketua Pengarah dalam melaksanakan fungsinya. Menjadi satu kesalahan di bawah akta ini sekiranya tidak dipatuhi dan boleh disabit kesalahan serta dijatuhkan hukuman seperti dinyatakan dalam Seksyen 6 (2) iaitu mana-mana individu yang melanggar Seksyen 6

(1) iaitu kewajipan untuk memberi bantuan, boleh didenda tidak lebih tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun tidak ada satu tindakan atau prosiding yang boleh diambil sekiranya Seksyen 6 (1) dipatuhi.

Walaupun bagaimanapun mengikut Seksyen 9 (1) akta ini, Ketua Pengarah akan membuat rekomendasi bagi saksi untuk dimasukkan ke dalam program dan Peguam Negara akan memutuskan sama ada saksi layak untuk program tersebut.

Di antara faktor yang Ketua Pengarah boleh pertimbangkan untuk rekomendasi adalah:

(a) Sama ada saksi itu mempunyai rekod jenayah, terutamanya berkenaan

dengan jenayah keganasan, dan sama ada rekod itu menunjukkan adanya risiko kepada orang awam jika saksi itu dimasukkan ke dalam Program;

(b) Keputusan pemeriksaan perubatan, psikologi, dan psikiatrik yang dijalankan di bawah subseksyen 8 (2);

(c) Keseriusan kesalahan yang dimaksudkan oleh keterangan atau pernyataan saksi itu;

(d) Jenis dan kepentingan keterangan atau pernyataan saksi itu;

(e) Sama ada terdapat kaedah alternatif untuk melindungi saksi itu;

(f) Jenis bahaya yang diandaikan kepada saksi itu

(g) Jenis hubungan saksi itu dengan saksi lain yang dipilih untuk dimasukkan ke dalam Program dan;

(h) Apa-apa perkara lain yang didapati berkaitan oleh Ketua Pengarah.

Seorang saksi jika dimasukkan ke Program Perlindungan Saksi ini akan dilindungi keselamatannya. Adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah untuk melindungi saksi dalam apa cara sekalipun termasuk:

(a) Menyediakan tempat tinggal untuk peserta itu;

(b) Menempatkan semula peserta itu;

(c) Memohon bagi apa-apa dokumen yang perlu untuk membolehkan peserta itu mewujudkan suatu identiti baru;

(d) Menyediakan pengangkutan bagi memindahkan harta peserta itu;

(e) Memberikan pembayaran yang bersamaan dengan saran yang diterima oleh peserta itu sebelum dimasukkan ke dalam Program termasuk apa-apa kenaikan kepada saran itu yang peserta sepatutnya berhak menerima, jika dia tidak dimasukkan ke dalam Program;

(f) Jika peserta itu tidak bekerja sebelum dimasukkan ke dalam Program, memberikan pembayaran kepada peserta itu bermaksud memenuhi perbelanjaan sara hidup yang munasabah peserta itu dan memberikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung bantuan kewangan lain yang munasabah;

(g) Memberikan pembayaran kepada peserta itu bagi maksud memenuhi kos berkaitan dengan penempatan semula

(h) Memberikan bantuan lain kepada peserta itu dalam mendapatkan pekerjaan dan akses kepada pendidikan;

(i) Memberikan bantuan lain kepada peserta itu dengan tujuan untuk memastikan bahawa peserta

(j) Apa-apa tindakan lain sebagaimana yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah.

Di bawah klausa 13, saksi yang layak menyertai program akan diberikan tempat, pembayaran yang sama dengan gaji yang diperolehinya dan permohonan untuk dokumen bagi pembentukan identiti baru.

Klausa yang sama juga membolehkan Ketua Pengarah untuk membenarkan pegawainya untuk menggunakan nama samaran dalam menjalankan tugasannya berhubung dengan program dan membawa dokumen yang menyokong penggunaan nama samaran tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan apa-apa dokumen di dalam milikannya kepada mahkamah, tribunal, suruhanjaya atau inkues, kecuali kepada hakim atau majistret dalam kamar apabila ianya amat perlu bagi kepentingan prosiding perundangan.

Dengan wujudnya akta ini diharapkan tiada lagi alasan untuk orang ramai tidak tampil sebagai saksi. Kesulitan dan ketakutan yang menghantui orang ramai telah dirungkaikan melalui jaminan kerajaan. Seharusnya dengan jaminan ini dapat meningkatkan lagi kesedaran orang betapa pentingnya peranan seorang saksi. Sekiranya masyarakat ingin keadilan ditegakkan, sokongan anda juga amat diperlukan. Tidak kira apa pun jenayahnya, setiap yang bersalah perlu menerima hukuman yang setimpal. Bersama kita lakukan perubahan untuk menghapuskan jenayah.



KEMALANGAN SIFAR SASARAN UTAMA PELAKSANAAN AES

Datuk Hisham Nordin : Pengarah, Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasan NKRA Rasuah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



AES (Automated Enforcement System) atau dalam bahasa ringkasnya sistem pengesanan penguatkuasaan secara automatik kesalahan lalu lintas menggunakan alat pengesan yang dipasang di atas jalan dan merakam imej kesalahan menggunakan kamera (gambar dan video) merupakan mandat daripada Perdana Menteri untuk dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan.

Sistem ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006-2010 kerana pada tahun 2006, SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) masih belum diwujudkan.

Memandangkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) merupakan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan dan mempunyai anggota penguatkuasa, maka tanggungjawab tersebut diserahkan kepada JPJ untuk dilaksanakan dengan dipantau oleh Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Kewangan.

Alat pengesan kamera AES merupakan penggunaan teknologi kamera berkuasa

tinggi yang masih belum terdapat di negara kita tetapi sudah digunakan secara meluas di negara-negara maju. Alat pengesan kamera yang banyak terdapat dalam negara adalah CCTV (Closed-circuit television) yang banyak digunakan oleh pihak DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur), ITIS (Integrated Transport Information System) dan PDRM bagi merakam kejadian kemalangan jalan raya, jenayah dan juga kesesakan lalu lintas secara berterusan dan bukannya kamera yang dapat merakam dengan jelas sesuatu kesalahan trafik.

Sebelum pelaksanaan AES, Kementerian Pengangkutan telah membuat 'benchmarking' dan juga mendapatkan 'best practices' pelaksanaannya di negara-negara maju yang lain seperti Australia, Korea, Jerman dan beberapa buah negara lain.

Memandangkan Malaysia tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut dan terdapat negara maju yang telah melaksanakannya, JPJ telah membuat tawaran tender terbuka ke peringkat antarabangsa kepada sembilan syarikat

yang menjadi peneraju pelaksanaan sistem AES untuk menyertai tender berkenaan. Daripada sembilan syarikat tersebut dua syarikat tidak mengemukakan cadangan teknikal manakala tujuh mengemukakan cadangan teknikal melalui wakil syarikat tempatan masing-masing.

Bagi memastikan pelaksanaan yang telus, JPJ telah melaksanakan ujian 'live demonstration' yang mengambil masa lebih sebulan iaitu ujian secara langsung pada Jun hingga Julai 2007.

Ujian tersebut melibatkan enam daripada tujuh syarikat yang mengemukakan cadangan teknikal bagi menunjukkan keupayaan alat pengesan kamera masing-masing setelah satu syarikat menarik diri dan ia dilakukan di Putrajaya, Shah Alam dan Lebuhraya Guthrie.

Sebanyak 43 senario pelanggaran peraturan had laju dan lampu isyarat telah dipilih untuk pelaksanaan ujian termasuklah pada waktu siang dan malam dalam semua keadaan cuaca, kenderaan terlalu laju, kenderaan berada di posisi yang sama,

kenderaan pelbagai saiz dan sebagainya dan kenderaan yang terlibat adalah lori, bas, kereta dan motosikal. Sistem ini merupakan penguatkuasaan yang selamat, kerahsiaan, integriti dan kesediaan (24 jam) dan mampu beroperasi 24 jam, 7 hari seminggu dan 360 hari setahun.

Setelah ujian selesai, lembaga tender yang terdiri daripada pegawai dari Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), Jabatan Pengangkutan Jalan dan beberapa panel bebas dari Institut Penyelidikan telah bersidang bagi menentukan syarikat mana yang mendapat markah paling tinggi berdasarkan ketepatan, kejelasan dan jumlah tangkapan imej disamping teknologi terbaik dan juga harga terendah yang ditawarkan.

Di samping itu, pembekal teknologi yang terpilih ini perlu melepasi kelayakan

Pelaksanaan AES adalah berbeza dengan pelaksanaan projek kerajaan sebelum ini kerana kerajaan tidak perlu mengeluarkan kos untuk pelaksanaannya sebaliknya kontraktor yang menanggung segala kos.

Pelaksanaan AES akan berlangsung secara tiga fasa di mana fasa pertama, pihak kontraktor akan mengendalikan keseluruhan pelaksanaan AES dengan dibantu oleh JPJ, di fasa kedua pula, pemindahan teknologi telah berlaku secara menyeluruh tetapi masih di bawah pemantauan pihak kontraktor manakala di fasa ketiga, pihak kontraktor akan menyerahkan seluruh peralatan dan kelengkapan kepada pihak JPJ untuk melaksanakannya.

Pada tahun 2009, AES telah dimasukkan sebagai salah satu daripada aktiviti NKRA Membanteras Rasuah dibawah inisiatif mengurangkan budi bicara melalui

Tambahan pula gambar yang diambil oleh kamera berkuasa tinggi tersebut merupakan bukti yang kukuh mengenai kesalahan yang dilakukan untuk dibawa ke mahkamah. Kerana maklumat kesalahan dihantar secara real time online ke Pusat Kawalan AES (Control Centre) di mana ia diproses untuk pengenalpastian pemandu/pemilik kenderaan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam pangkalan data JPJ bagi pengeluaran saman secara telus, tepat dan berterusan.

Pada pandangan saya, tidak timbul isu membebaskan rakyat kerana JPJ telah memaparkan dalam laman sesawang mereka lokasi-lokasi yang diletakkan AES.

Tidak cukup dengan itu, papan tanda 'Zon Operasi Kamera' juga diletakkan sebelum lokasi kamera bagi memberi peringatan kepada orang awam untuk memandu



teknikal oleh Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Kehakiman, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Peguam Negara.

Akhirnya dua syarikat telah terpilih kerana telah menepati keseluruhan spesifikasi untuk pelaksanaan AES dan mereka diminta untuk mengemukakan cadangan kewangan masing-masing.

automasi. Hal ini adalah kerana daripada kajian yang dijalankan melibatkan orang awam, pegawai penguatkuasa trafik paling banyak dipersepsikan menerima dan meminta rasuah. Dengan adanya AES ini, pengguna jalan raya yang melakukan kesalahan lalu lintas seperti memandu melebihi had laju dan melanggar isyarat lampu merah tidak perlu berdepan dengan Pegawai JPJ atau Polis Trafik dan ruang serta peluang berlakunya rasuah dapat dibendung.

dengan cermat dan berhemah. Hanya mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan iaitu memandu melebihi had laju yang ditetapkan dan melanggar lampu isyarat merah sahaja yang disaman.



Jika anda mahu mencari pekerjaan yang terbaik, pilih sesuatu yang anda suka lakukan, pastikan anda bersama orang yang anda suka dan berikan apa yang terbaik.

.....
Jack Welch Bekas Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif General Electric

Kemudahan MACA

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bukan sahaja berperanan sebagai institusi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bahkan MACA juga turut menawarkan kemudahan seperti;



1. Dewan Kuliah

Sebanyak 10 dewan kuliah yang setiap satu boleh memuatkan 100 peserta pada satu masa



2. Gimnasium

Setelah seharian berkursus, peserta boleh menghilangkan keletihan dan meregangkan otot di gimnasium yang terdapat di blok B.



3. Perpustakaan

Perpustakaan MACA terletak di Tingkat Bawah Blok A. Ianya tersedia dengan 1500 naskah bahan dan tempat duduk untuk 25 orang pembaca. Perpustakaan MACA merupakan tempat rujukan bagi isu-isu penyiasatan, pendakwaan, perundangan, perisikan dan pencegahan. Koleksi rujukan tersedia dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

4. Kuarters

MACA menyediakan kuarters bagi memudahkan pegawai dan kakitangan menjalankan tugas terutama di malam hari.



5. Makmal komputer

MACA mempunyai kemudahan dua makmal komputer yang terletak di blok utama. Setiap satu makmal, dilengkapi dengan 30 buah komputer peribadi yang dilengkapi dengan akses internet, sistem LCD projektor dan sistem audio.



6. Moot court

Set mahkamah lengkap yang digunakan untuk melatih peserta-peserta kursus tatacara dalam mahkamah dan cara sesuatu kes dikendalikan.



7. Dewan Makan

Terletak berhampiran tempat penginapan. Hanya 5 minit dari dewan kuliah.



8. Bilik Sindiket

Terdapat 26 bilik sindiket disediakan bagi kumpulan kecil mengadakan mesyuarat, taklimat dan temuramah.



9. Surau

Tempat ibadah yang terdapat di aras bawah Blok B dan aras 4 Blok A untuk memudahkan peserta menunaikan ibadah solat.



10. Penginapan

Bilik yang ditawarkan bertaraf hotel untuk keselesaan peserta untuk beristirahat setelah seharian berkursus.



11. Pengangkutan

Kemudahan pengangkutan bagi peserta-peserta kursus ketika tugas luar dan pergerakan secara berkumpulan

Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan untuk menggunakan kemudahan di MACA, bolehlah berhubung dengan pihak pengurusan MACA ditalian 03-62092800.

Malam ANTI RASUAH SEDUNIA 2012



Putrajaya, 9 Disember 2012 – Bertemakan Act Against Corruption Today, buat pertama kalinya bersempena dengan Hari Anti Rasuah Sedunia, Majlis Makan Malam SPRM 2012 telah diadakan bertempat di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya (PICC).

Objektif utama penganjuran majlis ini adalah untuk meningkatkan semangat kesetiaan kepada organisasi di kalangan semua pegawai dan kakitangan SPRM. Selain itu, majlis ini bertujuan untuk meraikan pegawai dan kakitangan SPRM serta bekas pegawai SPRM yang selama ini bertungkus-lumus memastikan SPRM terus disegani dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Majlis seumpama ini juga dilihat mampu menjadi pengikat kasih dan jambatan erat menghubungkan semua pihak yang bekerjasama dan menyokong usaha-usaha SPRM dalam memainkan peranannya mencegah rasuah selama ini.

Acara yang bermula tepat pukul 9 malam di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ini menghimpunkan hampir 1000 orang jemputan yang terdiri daripada mantan Ketua Pengarah BPR/ Ketua Pesuruhjaya SPRM, mantan Peguam Kanan Persekutuan, ahli-ahli Persatuan Bekas Pegawai BPR/SPRM, ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, ahli Panel Penilaian Operasi, ahli Jawatankuasa Aduan, ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, pesara dan mantan pegawai BPR dan SPRM, pegawai-pegawai daripada agensi yang telah menandatangani Corporate Integrity Pledge (CIP), ahli jawatankuasa IAACA ACGM Keenam 2012, Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), wakil beberapa organisasi yang menandatangani Corporate

Integrity Pledge (CIP), Turut hadir, Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu 'Basmi Rasuah' serta tayangan klip pantun "Salasilah BPR". Majlis kemudiannya diteruskan dengan jamuan makan malam sambil dihidangkan dengan persembahan nyanyian yang diiringi oleh Kumpulan Simfoni Panca Ritma Muzika (SPRM).

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Bekas Pegawai SPRM Tuan Abdul Razak Idris, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada SPRM di atas pencapaian di dalam Corruption Perception Index (CPI) Malaysia yang telah meningkat enam anak tangga menjadikan kedudukannya iaitu pada ranking 54 daripada 176 buah negara berbanding tahun lalu pada kedudukan ke 60 dari 183 buah Negara.

Selain itu, beliau turut mengucapkan tahniah dan syabas di atas segala transformasi termasuklah pelbagai inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh SPRM dalam merealisasikan misi dan hasrat Kerajaan untuk membasmi jenayah keji ini.

Beliau turut memaklumkan setakat ini terdapat beberapa bekas pegawai BPR yang aktif dan memegang jawatan penting di dalam sektor swasta. Di samping itu, terdapat di kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam meneliti secara sindiket 20 kes yang telah dibuang di mahkamah.

Sementara itu, dalam ucapan yang disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Aduan SPRM Datuk Mohd Noor Abdullah,

beliau menegaskan "SPRM kini sedang melalui satu anjakan paradigma atau transformasi daripada tahap sederhana ke tahap yang baik atau dari tahap baik ke tahap yang cemerlang".

Ujar beliau lagi, "Kerajaan telah memperuntukan sejumlah wang yang sangat besar khusus untuk menjayakan agenda pencegahan rasuah di negara ini". Justeru, tegas beliau, "SPRM perlu terus kekalkan kecemerlangan seiring dengan komitmen dan sokongan padu yang telah diberikan oleh pihak kerajaan di samping harapan masyarakat sekeliling juga sangat tinggi terhadap SPRM".

Menurut Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Sri Abu Kassim Mohamed, beliau merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada ahli-ahli panel/jawatankuasa yang sentiasa bersama-sama dengan Suruhanjaya ini dalam menasihati, memberikan pandangan dan memainkan peranan dalam membantu SPRM menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan lagi. Selain itu, penghargaan tidak terhingga juga ditujukan kepada pesara-pesara BPR/SPRM yang sama-sama hadir pada jamuan malam ini.

Selain itu, ujar beliau lagi, "Pelantikan sebagai Ahli Lembaga IACA untuk tempoh enam tahun merupakan antara penghormatan dan penghargaan tertinggi dalam inisiatif pencegahan rasuah. Pelantikan ini sekaligus akan memberi manfaat kepada Malaysia kerana ia mampu menggalakkan perkongsian dan pertukaran kepakaran antara Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dan IACA. Ini menunjukkan sumbangan Malaysia dalam arena membanteras rasuah diiktiraf di peringkat dunia".

Namun, menurutnya cabaran berat yang perlu dihadapi oleh pegawai SPRM pada masa kini adalah apabila masalah rasuah ini dipolitikkan oleh sesetengah pihak.


Sejurus selepas ucapan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, majlis diteruskan dengan upacara pelancaran portal baru SPRM serta link portal rasmi Persatuan Bekas Pegawai SPRM.

Majlis penyampaian sijil penghargaan turut disampaikan kepada pesara SPRM 2012 dan wakil Jawatankuasa Penganjuran IAACA ACGM Keenam 2012. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar.


STATISTIK TANGKAPAN

Januari hingga Disember 2012

Penjawat Awam 41.08%



Awam 58.92%



SEKTOR	JUMLAH ORANG	PERATUSAN (%)
<input checked="" type="checkbox"/> Penjawat Awam	288	41.08%
<input type="checkbox"/> Pengurusan Tertinggi	0	
<input type="checkbox"/> Pengurusan & Profesional	68	
<input type="checkbox"/> Kumpulan Sokongan	220	
<input checked="" type="checkbox"/> Awam	413	58.92%
<input type="checkbox"/> Sektor Swasta	105	
<input type="checkbox"/> Orang Awam	304	
<input type="checkbox"/> Ahli Majlis	1	
<input type="checkbox"/> Ahli Politik	3	
JUMLAH	701	100%



wadah dalam usaha melaksanakan fungsi SPRM untuk mendidik dan mendapatkan sokongan masyarakat terutama bagi golongan pelajar.

Usaha ini amat penting sebagai landasan untuk melahirkan generasi pemimpin akan datang yang menolak rasuah selaras dengan konsep gagasan 1Malaysia dengan slogannya 'Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan'.

SPR-IPT ini berperanan penting dalam memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar mengenai jenayah rasuah agar mereka tidak terjebak ke dalam lembah yang hina ini. Usaha-usaha penerapan anti rasuah melalui kurikulum pendidikan di Institut Pengajian Tinggi amat penting dan dipandang serius oleh kerajaan sebagai langkah untuk melahirkan generasi berintegriti, bermoral dan masyarakat yang bebas dari jenayah rasuah.

Penerapan nilai anti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di kalangan pelajar

bersama masyarakat luar bandar bagi meningkatkan nilai anti rasuah di kalangan masyarakat terutamanya para pelajar IPT.

Dalam pada itu juga SPR-IPT ini juga penting bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap nilai-nilai integriti semasa menjalankan tugas yang diamanahkan kepada ahli sekretariat dan mengamalkan apa yang telah dipelajari daripada penasihat serta anggota SPRM itu sendiri.

Rasuah bukan perkara kecil yang boleh dipandang remeh kerana perbuatan rasuah ini merupakan parasit yang akan menjahanamkan sesiapa sahaja yang mengamalkannya. Oleh sebab itu, perlunya sikap integriti dan anti rasuah dalam diri pelajar-pelajar IPT itu bermula sejak awal lagi.

Selain itu juga ia dapat mendidik dan mendedahkan pelajar-pelajar IPT kepada pelaksanaan program-program kemasyarakatan yang menekankan kepada penghayatan nilai-nilai murni berkenaan dengan anti rasuah.

Pelajar-pelajar IPT boleh menjadi perantara dalam mempromosikan anti rasuah kepada masyarakat luar melalui program-program yang dijalankan seperti sekolah angkat di sekitar universiti dan sekretariat bersama masyarakat pedalaman. SPR di IPT dapat mewujudkan pusat rujukan ilmiah mengenai kesalahan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta peranan SPRM dalam menangani jenayah ini di kampus.

Hal ini adalah kerana dengan adanya pejabat pentadbiran bagi menjalankan tugas-tugas berkaitan rasuah yang mana selain ahli sekretariat, pelajar-pelajar lain juga boleh singgah dan melawat pejabat sekretariat bagi merungkai persoalan mengenai rasuah daripada ahli-ahli sekretariat itu sendiri ataupun melalui pamflet-pamflet dan tayangan video yang tersedia di situ.

Kerjasama dua hala di antara SPRM dan IPT dapat ditingkatkan dengan adanya SPR ini di IPT. Jalinan ukhwah dapat dieratkan antara anggota SPRM dan ahli sekretariat

dalam menjalankan tugas-tugas menyebarkan maklumat mengenai rasuah kepada umum.

Dengan adanya kerjasama ini, tugas-tugas dapat dijalankan dengan lancar untuk kebaikan bersama bagi memerangi rasuah hingga ke akar umbi.

"Kami Ganyang Rasuah" merupakan kalimat keramat yang boleh diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat dalam menerapkan rasa benci kepada amalan menerima dan memberi rasuah supaya wawasan 2020 dapat dicapai dan menjadi negara maju tanpa rasuah. Akhir kata, SPR di IPT mempunyai banyak peranan dan kepentingan kepada pelajar-pelajar IPT dan juga kepada masyarakat sekeliling dalam mewujudkan negara bebas rasuah menjelang tahun 2020.

Diharapkan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh pelajar-pelajar IPT dapat memaksimumkan impak dalam memerangi rasuah pada masa kini.

Kepentingan SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH di INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Apabila dikatakan rasuah ramai akan menunding jari kepada penjawat awam seperti penguatkuasa pengangkutan jalan dan ahli-ahli politik yang menabur janji manis dan wang ringgit untuk kepentingan mereka.

Adakah ini benar-benar terjadi? Mari kita sama-sama fikirkan sejenak siapakah yang bakal menjadi penjawat-penjawat awam dan siapakah yang bakal menjadi ahli-ahli politik ini.

Tidak lain tidak bukan, pelajar-pelajar seperti kita ini yang belajar tidak

kira sama ada di IPTA atau IPTS di seluruh negara bakal menjadi antara para pelapis peneraju negara untuk pelbagai jawatan dan gelaran.

Maka pada masa itu mungkin terdapat segelintir daripada kita yang akan menerima dan memberi rasuah seperti yang berlaku pada hari ini. Oleh hal yang demikian, satu usaha telah dijalankan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lagi iaitu Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di IPT (SPR-IPT).

Penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di IPT merupakan satu

IPT merupakan objektif pertama dalam menangani isu ini yang mana sering berlaku di kalangan pelajar IPT. Dengan adanya SPR di IPT maka nilai anti rasuah dapat diterapkan supaya apabila menjawat sesuatu jawatan kelak, kuasa yang diberi tidak disalahgunakan untuk kepentingan diri dan kroni. Hal ini juga dapat mendedahkan pelajar IPT kepada program-program pencegahan rasuah sama ada di dalam atau luar kampus yang melibatkan orang awam atau institusi. Antara program yang dijalankan adalah seperti forum mengenai rasuah, kempen kesedaran dan juga aktiviti



Peniaga buat tuntutan palsu

KUCHING - Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman terhadap dua orang peniaga setelah mengaku bersalah di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Mengikut pertuduhan, pada 24 Mei 2010 diantara jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Cawangan Sri Aman, Sarawak, Lee Tung Poh, 50 pemilik Syarikat Got Petrol Filing telah memalsukan tuntutan dengan menggunakan satu dokumen untuk memperdayakan Dalgish Stewart Lega, iaitu invoice bernombor 00444 bagi penghantaran 800 liter petrol dan 400 liter diesel kepada Ng Siek Hua, tetapi penghantaran petrol hanya 600 liter dan tuntutan sepatutnya RM1,020.00 sahaja.

Hakim Ahmad Azhari Abdul Hamid menjatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM10,000.00.

Di mahkamah yang sama, Teng Mee Kiong, 39, Pengurus Chai Seng Filing & Service Station, pada 11 Februari 2012 telah membuat tuntutan palsu kepada KPDNKK dengan mengemukakan empat invoice yang kesemuanya berjumlah RM14,850.00 bagi kos penghantaran minyak petrol dan diesel kepada Persatuan Nelayan Kawasan Kabong di mana beliau mengetahui penghantaran tersebut tidak pernah dilakukan.

Tertuduh dijatuhi hukuman satu hari penjara dan denda sebanyak RM75,000.00.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwaraya Law Chin How, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Denda RM100,000 kerana beri rasuah

LABUAN - Akibat memberi rasuah kepada Leftenan Maritim Nor Azmi Mohd Dahlan, supaya membebaskan bot tunda miliknya yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952/60, seorang ahli perniagaan di penjara satu hari dan denda RM100,000 atau jika gagal membayarnya, lapan bulan penjara akan dikenakan.

Hakim Dean Wayne Daly menjatuhkan hukuman itu terhadap Lee Siew Hee, 48 kerana melakukan kesalahan di bawah seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 pada 12 Mei 2010 jam 10 malam di Cape House, Hotel Tiara Labuan iaitu secara rasuah memberi suapan wang tunai RM20,000 kepada seorang penjawat awam sebagai dorongan untuk membebaskan bot tunda Hornbilland 2 no pendaftaran QMY 2692.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Joyce Blasius dan Penguasa Kanan Awang Samsul Baharum Bungso. Tertuduh tidak diwakili peguam dan mengaku bersalah.

Penyelia kilang didenda RM10,000

IPOH - Mahkamah Sesyen Ipoh menjatuhkan hukuman satu hari penjara dan denda RM10,000 ke atas seorang penyelia kilang setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Mengikut pertuduhan, pada 22 April 2010 di antara jam 3.15 hingga 3.55 petang di hadapan kilang Monex Timber Sdn. Bhd. Tanjung Rambutan, Rajah Narasaim, 47 telah memberi suapan wang tunai RM1,000 kepada Pembantu Pertahanan Awam, Abdul Aziz Saat di Pejabat RELA Daerah Kinta Utara sebagai dorongan melepaskan seorang lelaki warga Bangladesh dan seorang wanita warga Myanmar yang tidak memiliki pas dan permit yang sah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwaraya Hafiz Abu Bakar dihadapan Hakim Julie Lack Abdullah. Tertuduh tidak diwakili peguam dan telah membayar denda yang ditetapkan.

Dipenjarakan kerana baiki rumah sendiri


SHAH ALAM - Bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dijatuhi hukuman tiga tahun penjara dan denda RM132,500 kerana membaiki rumah sendiri menggunakan wang pihak berkuasa tempatan.

Tertuduh didakwa mengikut seksyen 15 Akta Pencegahan Rasuah 1997, dan dihukum mengikut seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Hakim Asmadi Hussin iaitu hakim di Mahkamah Sesyen Shah Alam telah menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh Datuk Bakaruddin Othman, 58 kerana menggunakan jawatannya sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang untuk mendapatkan suapan dalam bentuk pembiayaan berjumlah RM26,500 bagi menyelenggara rumahnya sendiri di alamat No. 14413, Jalan Laksamana 9, Kampung Laksamana, Batu Cave Selangor.

Pembiayaan menyelenggara rumah miliknya itu didakwa diluluskan tertuduh di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPS bertarikh 27 Oktober 2001 di mana tertuduh mempunyai kepentingan langsung.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwaraya SPRM, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi dan Nik Azrin Zairin Nik Abdullah, manakala tertuduh diwakili peguam Akberdin dan Datuk Jarjit.



PPPNP TANDATANGANI CIP KUKUHKAN SISTEM KAWALAN SYARIKAT



IPOH, 7 Disember 2012 - Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) menjadi agensi pertama yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) di negeri ini dalam usaha menambah baik struktur perjalanan dan pentadbiran agensi tersebut.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dalam ucapan ringkasnya berharap supaya lebih banyak agensi di negeri ini yang dibuat oleh PPPNP bagi mengekang ruang dan peluang rasuah, sekaligus menjadikan agensi masing-masing lebih produktif dan proaktif.

Katanya, CIP yang ditandatangani ini akan membantu melonjakkan imej Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) di kalangan pelabur, sekaligus membantu syarikat mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran jangka panjang.

Majlis menandatangani CIP yang diadakan di Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh ini turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri,

Datuk Abdul Puhat Mat Nayan, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mohd. Ghazali Jalal, Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Ahmad Kamal Md. Shahid, Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Ahmad Rizal Abd. Rahman dan Pengarah SPRM Negeri, Datuk Noradziah Abd. Manaf.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan yang mewakili Suruhanjaya berkenaan berkata, ikrar ini boleh digunakan oleh syarikat sebagai tanda aras bahawa operasi mereka tidak melibatkan risiko atau kos tersembunyi yang berkaitan dengan aktiviti rasuah.

"Melalui ikrar ini, ia akan meningkatkan tahap keyakinan pelabur asing dan tempatan dan PPPNP bertanggungjawab untuk mengukuhkan sistem kawalan dalaman syarikat dengan menyokong usaha-usaha pencegahan rasuah serta mematuhi undang-undang, polisi dan prosedur prosedur yang berkaitan dengan anti-rasuah.

"Untuk mencapai hasrat ini, SPRM dengan tangan terbuka sedia membantu mana-mana badan berkanun dan korporat, agensi, institusi, syarikat dan sebagainya dalam isu tadbir-urus baik," katanya.



RENUNGAN

Kita mesti usir orang-orang Arab dan mengambil alih tempat mereka.
David Ben Gurion, bekas Perdana Menteri Israel

Tidak akan wujud sebuah negara Yahudi sekiranya orang-orang Arab tidak diusir dan tanah air mereka dirampas.
Ariel Sharon, bekas Perdana Menteri Israel

Tidak ada apa yang dikatakan sebagai bangsa Palestin. Ianya bukanlah seolah-olah kita telah mencerooboh dan mengusir mereka serta mengambil alih tanah air mereka. Mereka sebenarnya tidak pernah wujud.
Golda Meir, bekas Perdana Menteri Israel

Dalam tempoh 10 atau 20 tahun yang akan datang Israel akan mewujudkan suasana yang akan membuatkan penduduk di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat Jordan berhijrah dengan sukarela mahu pun secara semulajadi.
Yitzak Rabin, bekas Perdana Menteri Israel


Pembahagian bumi Palestin adalah salah dari sisi undang-undang. Perbuatan itu tidak akan diiktiraf sama sekali. Tanah itu akan dikembalikan kepada rakyat Israel. Kesemuanya. Buat selamanya.
Menachem Begin, bekas Perdana Menteri Israel

Sejak dulu lagi saya percaya, dan sehingga kini masih tetap percaya bahawa dari sudut sejarah, rakyat kita berhak menakluki seluruh bumi Palestin ini buat selama-lamanya.
Ehud Olmert, bekas Perdana Menteri Israel

Israel sepatutnya mengambil kesempatan terhadap penindasan yang dilakukan terhadap penunjuk perasaan di China, apabila perhatian dunia tertumpu kepada negara itu, untuk mengusir secara besar-besaran, penduduk-penduduk Arab di wilayah Israel.
Binyamin Netanyahu, Perdana Menteri Israel

SETIAP SEORANG DARIPADA PERDANA MENTERI ISRAEL TELAH MENYATAKAN DENGAN JELAS BAHAWA MATLAMAT MUKTAMAD MEREKA IALAH UNTUK MENGUASAI SELURUH BUMI PALESTIN DENGAN MENGAMBIL ALIH SEMUA TANAH PALESTIN SECARA PAKSA DAN MENGUSIR RAKYAT PALESTIN DARI TANAH AIR MEREKA.

KEBANYAKKAN PENDUDUK DI BENUA EROPAH BERPENDAPAT BAHAWA ISRAEL MERUPAKAN ANCAMAN TERBESAR TERHADAP KEAMANAN DUNIA.
UNDIAN YANG DIKENDALIKAN OLEH KESATUAN EROPAH PADA 2006



Sakitnya Dirempuh Lori

Bertugas 24 jam tanpa tidur boleh membuat kepala pening dan mata berpinar-pinar. Jalan pun tentunya terhoyong hayang. Tidak cukup tidur boleh menyebabkan badan tidak stabil. Namun kerana tugas, situasi begitu adalah asam garam kehidupan bagi sebahagian besar anggota penguatkuasa dari mana-mana agensi termasuklah pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Belum pun hilang keletihan operasi semalaman, satu lagi operasi menunggu untuk dilaksanakan. Dan kerana kekurangan anggota, suka atau tidak arahan dari pegawai atasan mesti dipatuhi.

Itulah episod mencabar yang perlu dilalui setiap pegawai penyiasat di SPRM termasuk Penguatkuasa Muhammad Nasir Mat Jam ketika berkhidmat di SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Beliau yang ketika itu baru ditukarkan ke SPRM Kuala Lumpur telah diarah menyertai operasi 'Ping pong' yang menyasarkan tauke-tauke rumah urut haram sekitar bandaraya.

Operasi bermula jam 8 pagi pada 10 Januari 2011 dan berakhir jam 8 pagi keesokan harinya. Sepanjang malam pasukan yang ditubuhkan khas bersama anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melakukan serbuan dari satu rumah urut ke rumah urut haram sekitar Kuala Lumpur.

Hasil serbuan, lima pengusaha rumah urut haram berjaya ditahan, tetapi tauke-tauke haram yang tidak perlu membayar cukai pendapatan ini tidak puas hati, mengamuk dan membantah penahanan mereka kerana sebelum



ini mereka mendakwa penangkapan boleh diselesaikan melalui rundingan. Mengapa kali ini anggota penguatkuasa tidak mahu bertolak ansur. Apa masalahnya?. Operasi berakhir jam 8.00 pagi kerana proses rakaman percakapan, reman dan jamin.

Kerana terlalu letih dan mengantuk, bapa kepada tiga orang anak yang masih bersekolah rendah ini dibenarkan oleh ketua operasi balik ke rumah untuk berehat. Namun baru sahaja Nasir mahu memulakan perjalanan, dia dipanggil semula oleh ketuanya dan mengarahkannya supaya datang ke pejabat pada jam 3.00 petang bagi menyertai satu lagi operasi, 'Op Damai'.

11 Januari 2011 merupakan ulang tahun ke 12 perkahwinan Nasir dan isterinya. Sebagai suami yang romantik, Nasir bercadang mengingatinya dengan memberi hadiah berupa cukai jalan baru untuk kereta isterinya.

Selepas mengeluarkan duit dari Bank Simpanan Nasional, Nasir terus ke Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Bangi untuk memperbaharui cukai jalan.

Selesai urusan di JPJ Nasir kembali menunggang motosikalnya untuk terus ke pejabat.

Sebaik melintasi lampu hijau berdekatan stesen komuter di pekan Sungai Besi, motosikal Nasir dirempuh dari belakang dan diseret sejauh tujuh meter oleh sebuah lori satu tan dipandu lelaki warga Indonesia. Satu kemalangan yang sama sekali tidak diduga.

Pantang maut sebelum ajal. Nasir terselamat gara-gara motosikalnya yang terperosok di bawah enjin menghalang lori mengilis tubuh Nasir. Tetapi yang mengerikan, tayar hadapan lori terbabit cuma beberapa inci sahaja lagi untuk mengilis kepala.

Dalam keadaan 'mamai' dan tidak berdaya, Nasir dibantu oleh orang ramai yang bukan sahaja menariknya dari bawah lori, tetapi membantu menyimpan terus dompet duit, kad pengenalan, kad kuasa, kad bank dan dokumen penting miliknya.


Dihantar ke hospital oleh anggota Jabatan Pertahanan Awam, doktor

mengesahkan Nasir mengalami kecederaan lutut, peha, punggung, manakala bahu kiri patah dan urat jari putus.

Begitu pun, bekas anggota polis kelahiran Sungkai, Perak yang menyertai SPRM sejak tahun 1997 ini tidak pernah patah semangat, malah memang meminati bidang siasatan yang dianggapnya mencabar.

Selepas setahun berlalu, beliau sehingga kini masih menjalani terapi pemulihan cara kerja (OCCT) bagi mengembalikan keadaan asal anggota badannya dengan menjadikan isterinya sebagai pembakar semangat sebelum kembali pulih dan ceria seperti sediakala.

Sumber tidak sahih mengandaikan kemalangan itu dirancang oleh tauke-tauke rumah urut haram yang tidak puas hati. Jika benar, alangkah sukarnya menegakkan undang-undang.



Ustaz Don Gegarkan SPRM

Putrajaya, 10 Disember 2012 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan kerjasama TV Al Hijrah telah mengadakan rakaman Rancangan 60 Minit Ustaz Don bersama pendakwah terkenal negara, Ustaz Don Daniyal Don Bijayid dengan tema Rezeki Bawah Meja di Dewan Serbaguna Aras B2, Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya.

Hampir 500 orang pegawai dan kakitangan SPRM serta pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Pengangkutan (MOT) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menghadiri rakaman ini. Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Sri Abu Kassim Mohamed serta beberapa Pengarah Bahagian SPRM.

Ustaz Don memulakan rakaman dengan menghuraikan makna rasuah dan risywah. Menurutnya, perkataan rasuah sebenarnya berasal daripada perkataan Arab iaitu "al-risywah". Beliau menyatakan betapa pentingnya mencari rezeki dengan cara yang halal.

Beliau turut memberikan beberapa contoh kesan daripada mengambil hak orang lain dan hasil rezeki yang tidak berkat. Beliau juga turut merungkai satu persatu maksud ayat 188, di dalam Surah Al-Baqarah.

Justeru, ujarinya lagi setiap umat Islam perlu sama-sama berusaha untuk memerangi rasuah daripada terus merebak dan menjadi amalan di kalangan masyarakat. Sesungguhnya, perbuatan ini juga didukung dengan kerasnya oleh Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad yang bermaksud Allah SWT melaknat orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah serta orang yang memberikan jalan terhadap kedua-duanya.

Beliau turut memetik kata Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Sri Abu Kassim Mohamed, apabila seseorang bercakap mengenai sesuatu, ianya hanyalah mengenai sesuatu. Tetapi apabila seseorang bercakap mengenai "perubahan" ianya adalah mengenai SIAPA.

Konvoi Malaysia Bebas Rasuah 2012

KUALA LUMPUR - Mengambil kira usaha pencegahan rasuah sebagai tanggungjawab bersama, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur dengan kerjasama Kelab Rekreasi Avanza Utara (NARC) telah menganjurkan Konvoi Kembara Avanza-Malaysia Bebas Rasuah 2012 selama dua hari bermula hari ini (10 Disember 2012).

Pelancaran gerakan konvoi 17 buah kereta dari kelab NARC yang turut disertai oleh lima kereta daripada SPRM Kuala Lumpur ini dirasmikan oleh Pengarah SPRM KL, Datuk Latifah Md Yatim jam 10.00 pagi di perkarangan pejabat SPRM, Jalan Cochrane.

Menurut Latifah, program yang pertama kali diadakan ini turut membabitkan penyertaan daripada SPRM Port Dickson dan Melaka.

Katanya program yang disertai oleh 130 peserta ini turut membuat edaran risalah, poster dan cetakan kempen anti rasuah di sekitar Dataran Merdeka,

Shah Alam, Putrajaya dan meneruskan perjalanan ke Port Dickson.

"Program ini merupakan satu medium komunikasi bersemuka bersama masyarakat dalam menyampaikan mesej anti rasuah di mana dengan cara ini masyarakat boleh berinteraksi secara terus dengan SPRM."

"Usaha NARC sebagai sebuah NGO yang turut sama menyertai program ini boleh dijadikan contoh untuk memperlihatkan peranan masyarakat dalam memberi



pendedahan tentang bahaya rasuah kepada umum,"katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Dilantik Ahli Lembaga Akademi Anti Rasuah Antarabangsa (IACA)

PUTRAJAYA - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Dato' Sri Abu Kassim Mohamed telah dilantik sebagai Ahli Lembaga (Board of Governors) untuk tempoh 6 tahun. Pelantikan beliau adalah sempena Perhimpunan Pertama Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) hari ini di Bangunan United Nations, Austria. Majlis yang penuh bersejarah ini melibatkan menteri-menteri peringkat atasan.

Pelantikan Dato' Sri Abu Kassim sebagai ahli lembaga IACA adalah penghargaan yang paling tinggi bagi inisiatif anti rasuah.

Ahli-ahli lembaga terdiri daripada individu-individu yang berkualiti dalam pencapaian professional serta mempunyai komitmen yang tinggi dalam usaha-usaha pencegahan rasuah di negara masing-masing.

"Pengiktirafan ini merupakan suatu penghormatan dan penghargaan yang tinggi daripada pakar-pakar ternama yang mahir dalam bidang anti rasuah," ujar Dato' Sri Abu Kassim, yang kini



menghadiri Persidangan tersebut di Vienna.

Beliau berkata pelantikan ini akan menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran antara Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan IACA. Dalam konteks persidangan ini, kursus Sarjana Dalam Pengajian Anti Rasuah akan dirasmikan. Kursus jarak jauh yang unik ini menggabungkan tujuh modul yang berbeza.

Seramai 11 calon dari pelbagai negara, yang bertanding dalam pemilihan ahli lembaga ini, adalah terdiri daripada

ahli-ahli professional yang mahir dalam kajian, kebolehan dan kepakaran masing-masing.

Antara calon-calon pemilihan ini adalah Timbalan Presiden Bulgaria, Margarita Popova, Penasihat kepada Presiden Konfederasi Rusia, Sergey N. Dubik dan Pengerusi Anti-Rasuah dan Pesuruhjaya Hak-hak Kemanusiaan Korea, Dr. Young Ran Kim.

Dato' Sri Abu Kassim juga adalah ahli jawatankuasa eksekutif Pertubuhan Agensi Penguatkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IACA).

PPO SPRM: Tidak Ada Yang Terselindung

Panel Penilaian Operasi (PPO) merupakan salah satu daripada lima mekanisme yang bertindak sebagai 'check and balance' terhadap perjalanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Penubuhan panel ini merupakan transformasi dalam SPRM yang dapat membuktikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM.

PPO diwujudkan secara pentadbiran dan ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri. Ahli PPO terdiri daripada kalangan yang mempunyai kepakaran, mewakili badan-badan profesional serta individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan oleh SPRM.

PPO adalah mekanisme 'check and balance' terhadap kes penyiasatan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. PPO boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.

Bidang tugas PPO itu sendiri dapat menggambarkan SPRM bebas dalam membuat sebarang keputusan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Peranan PPO adalah:

1. Menerima dan mendapatkan penjelasan berhubung perangkaan kertas siasatan yang dibuka oleh SPRM

2. Menerima dan meneliti laporan daripada SPRM berhubung semua kes di mana orang yang ditangkap, dilepaskan dengan jaminan oleh SPRM melebihi enam bulan

3. Menerima dan meneliti laporan daripada SPRM berhubung keputusan kertas siasatan yang dibuat oleh pendakwa raya

4. Menerima dan meneliti laporan daripada SPRM berhubung kertas siasatan yang dikemukakan kepada pendakwa raya dan tidak mendapat apa-apa keputusan selepas tempoh melebihi enam bulan ke atas

5. Memberi pendapat berhubung tindakan-tindakan ke atas kes-kes yang diputuskan untuk tidak dituduh

6. Menasihati dan membantu SPRM ke arah keberkesanan operasi siasatan SPRM

7. Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan SPRM

8. Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan kepada Perdana Menteri berhubung dengan perjalanan operasi siasatan oleh SPRM.

Persepsi sama ada negatif mahupun positif perlu ditangani dengan bijak oleh SPRM. Persepsi ini tidak boleh dikikis dengan hanya duduk sambil bergoyang kaki. Orang ramai masih beranggapan bahawa tugas mencegah rasuah itu hanya terletak di bahu SPRM. Tanggungjawab menangani rasuah tertelak di bahu semua pihak. Kerajaan, rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu berganding bahu serta memainkan peranan dalam semua aspek membanteras rasuah.

Persepsi semua kes jenayah turut



dianggap rasuah merupakan persepsi positif terhadap SPRM. Ini menunjukkan ada kepercayaan dalam diri masyarakat supaya SPRM menyiasat aduan tersebut. Bagaimanapun, semua pihak perlu tahu SPRM hanya menyiasat laporan yang merangkumi bidang tugas SPRM. Persepsi ini perlu dikekalkan dalam SPRM sama seperti persepsi orang ramai terhadap Bank Negara yang dilihat tegas dalam semua aspek.

Lima mekanisme yang diwujudkan

bertanggungjawab bertindak sebagai 'check and balance' terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Kelima-lima badan khas ini mengandungi ahlinya terdiri dari kalangan mereka yang profesional dan pakar dalam bidang masing-masing serta bebas dan diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM. Mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan,

kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti SPRM dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang ditetapkan. SPRM menerima arahan daripada 'orang luar' itu hanya berusaha untuk menangkis dakwaan tersebut.

Bidang siasatan adalah tugas SPRM dan mereka berhak untuk membuat penyiasatan. Sekiranya orang 'high profile' masuk bangunan SPRM

sekalipun, masyarakat beranggapan orang itu bersalah dan terlibat dengan rasuah. Walhal orang itu mungkin menyalurkan maklumat untuk membantu SPRM menjalankan siasatan.

Secara kasarnya SPRM menerima hampir 12,000 laporan namun tidak semuanya melibatkan kes rasuah. Daripada jumlah tersebut, 50 peratus laporan yang diterima tidak melibatkan gejala rasuah. 30 peratus pula

melibatkan surat layang dan selebihnya merupakan kes rasuah yang sebenar. Surat layang yang diterima juga 'dilayan' SPRM tetapi ianya diletakkan mengikut keutamaan terakhir.

Dari segi penyiasatan, beban kerja pegawai SPRM adalah tinggi di mana bilangan pegawai SPRM hanya dalam

ketiadaan saksi. Ada juga kes di mana saksi tidak konsisten dan menukar keterangan, berbeza sewaktu siasatan dilakukan. Bagaimanapun ada juga kes yang ditutup merupakan kes tohmahan. Pegawai penyiasat akan menyiasat laporan yang dibuat termasuk membuat risikan terhadap individu yang membuat laporan itu.

mempertingkatkan peranan mereka supaya akan dipandang tinggi oleh masyarakat secara amnya.

Pegawai penyiasat juga perlu diberi pendedahan yang berguna supaya mereka dapat memastikan siasatan yang dilakukan dapat dibawa ke mahkamah sekali gus si pelaku dijatuhi



lingkungan 400. Saya menyarankan kepada SPRM supaya membuka kertas siasatan yang mempunyai kualiti. Ini bukan bermaksud memilih laporan yang dibuat tetapi memberi keutamaan kepada siasatan yang memperlihatkan keberkesanan pasukan penyiasat.

Jika dilihat istilah kes 'high profile' dan 'low profile', SPRM perlu adil dengan kedua-dua individu tersebut.

Mereka akan didapati bersalah sekiranya dijatuhi hukuman di mahkamah. Kita tidak boleh menghukum mereka sebelum diputuskan oleh mahkamah. Setiap orang mempunyai hak untuk membela diri. Masalah utama kes itu ditutup adalah disebabkan oleh

Jika benar, kes yang dilaporkan akan dibawa ke mahkamah namun jika ia merupakan tohmahan, individu yang membuat laporan itu akan berdepan dengan undang-undang.

Ini sedikit sebanyak menyedarkan orang ramai supaya tidak melakukan jenayah atau tohmahan yang boleh mendatangkan keburukan kepada orang lain.

Memetik pandangan Pengerusi Panel Penilaian Operasi, Tan Sri Hadenan Abd Jalil mengenai kes yang ditutup boleh mendatangkan persepsi SPRM tidak menjalankan tugas dengan berkesan, beliau berkata persepsi sedemikian sukar untuk ditangkis. SPRM perlu

hukuman. SPRM juga disarankan supaya menubuhkan Suruhanjaya Perlantikan yang boleh memberi kuasa kepada mereka supaya memilih calon pegawai penyiasat yang berkualiti dan mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang. Ini dapat menaikkan imej SPRM itu sendiri.

14 mahkamah rasuah di seluruh negara juga dapat memastikan pertuduhan dapat dijalankan dengan sempurna.

Peguam Negara juga berjanji akan menyediakan 32 timbalan pendakwa raya yang berkualiti buat SPRM bagi membantu tugas di mahkamah.

RENUNGAN



Pertandingan bukan hanya bermaksud mengukur prestasi pesaing semata-mata. Seseorang boleh bersaing dengan dirinya sendiri. Objektif pertandingan tidak semestinya untuk meraih tempat pertama atau mengalahkan pesaing, tetapi sebaliknya mencari kebaikan dalam diri setiap individu.

.....
M. Bakri Musa
'Malaysia Di Era Globalisasi'



Inilah
hiasan tangan
PERASUAH

"Jangan **Beri**,
Jangan **Terima**"



BEBAS ● TELUS ● PROFESIONAL

Email: info@sprm.gov.my

Web : www.sprm.gov.my

SMS : 019 6000 696

Gerbang SMS :

Taip SPRM MENU & Hantar ke 15888

Anda
Boleh Lakukan Perubahan

PERANGI
Rasuah

